

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Kami meminta senjata kepada Amerika tetapi Amerika sukar hendak memberi dan kami meminta kepada Russia, diberinya kami senjata dan wang – demikian lebih kurang Sukarno dalam ucapannya baru-baru ini. Seseorang kalau biasa memberi tentu ada syaratnya dan kepada orang yang digemarinya. Sudah tentu Russia memberi kerana tidakkah Sukarno sendiri sudah suka menjadi perkakas Russia untuk menjadikan negara Indonesia komunis?

\* \* \*

Pada ketika Sukarno pergi melawat ke Demak (Jawa) di mana terletak banyak “keramat-keramat” maka ia dikatakan berkata bahawa ia adalah keturunan daripada keramat-keramat di Demak itu sebab ia telah jadi keramat kerana beberapa kali ia terlepas dari percubaan hendak membunuhnya. Jadi kerana seseorang keramat maka terlepas daripada cubaan membunuh – kalau alasan ini dipakai maka ada orang yang mengatakan bahawa cara ini ialah cara “Eden” dan barangkali juga Sukarno jadi “Eden” pula sebab percakapannya kadang-kadang seperti jarum yang tak tetap lagi.

\* \* \*

5,000 orang bekas pejuang-pejuang di Korea yang tidak mau balik ke Utara (ke sebelah komunis) telah menyatakan bahawa mereka bersedia akan membantu Kerajaan Revolusioner Indonesia melawan pemerintah pusat. Dengan ini sekarang semua dunia mengerti bahawa di pusat adalah

menjadi sarang atau sekurang-kurangnya orang yang telah dipengaruhi oleh komunis.

\* \* \*

Raja Musa bin Raja Mahdi di dalam Majlis Mesyuarat Federal tatkala memberi pendapatnya dalam perbincangan mengadakan suatu penyiasatan bagaimana cara membantu ekonomi orang Melayu antara lain dikatakan telah berkata bahawa hendaklah tender-tender kerajaan ditentukan untuk memberi kepada perusahaan Melayu kerana kalau perusahaan Melayu bertanding di dalam tender dengan perusahaan lain-lain bangsa sudah tentu orang-orang Melayu akan tidak dapat tender itu dan dengan sendirinya kemajuan perusahaan orang-orang Melayu tidak akan tercapai. Pendapat ini adalah sesuai dengan keadaan sebab boleh dikatakan hampir semua perusahaan Melayu yang ada, tidak berani membesarkan modal dengan bantuan yang maknanya menjadi hutang tetapi yang diharap, ialah supaya mereka diberi pekerjaan kerana dengan pekerjaan itu mereka berharap dengan perlahan-lahan dapat meluruskan usahanya.

\* \* \*

Perjumpaan hari raya yang diadakan oleh sebelas badan Universiti Malaya, yang dibuka dengan bacaan al-Quran dan kemudian ditutup dengan tarian joget telah menjadi perbincangan, kerana ahli-ahli agama merasa tersentuh atas perbuatan itu. Bidasan-bidasan telah timbul atas kejadian itu tetapi perkaranya telah terjadi – hanya, kalau perlu dibuat, lain kali jangan dibuat lagi. Orang-orang terutamanya

ahli-ahli agama, patut memerhatikan hal ini, kerana dengan ini zahir bahawa pemuda kita banyak yang pengertian agamanya kurang mendalam dan mustahak mendapat perhatian.

\* \* \*

Kongres Kebudayaan yang telah mengambil keputusan, sebagai dasarnya, bahawa kebudayaan Melayu itu hendaklah tidak berlawanan dengan agama Islam, telah lima bulan berjalan. Selama lima bulan ini ulama-ulama terutamanya mufti kerajaan-kerajaan di negeri-negeri persekutuan ataupun majlis penasihat agama kepada Majlis Raja-raja Melayu yang terdiri daripada 18 orang itu tidak terdengar langsung memberi pendapat-pendapat atau penjelasan mengenai pertalian adat Melayu dengan agama Islam. Sepatutnya majlis-majlis itu mengadakan penyiasatan umpamanya di dalam istiadat-istiadat negeri adakah di dalamnya bercampur perkara-perkara yang menimbulkan syirik umpamanya di dalam cara penyembahan dan seumpamanya; adakah cara menyusun jari yang sepuluh itu bertentangan dengan hukum-hukum Tuhan ataupun seumpamanya – dan adakah pula terjadi di dalam seni-seni suara yang boleh menjadikan syirik seperti nyanyian-nyanyian menempelak Tuhan; atau memuja-muja dewa yang dilaungkan hampir tiap-tiap hari di Radio Malaya. Ini perkara besar yang menjadi kewajipan alim ulama ke tengah untuk menerangkannya. Tetapi kalau hanya mereka takut mengatakan yang hak kerana periuk nasinya, terpulunglah kepada mereka itu sendiri nanti menjawabnya di hadapan Tuhan. Perkara ini lebih besar daripada beraya, mencuba haramkan buku yang berdasarkan Quran – sebab perkara ini ialah perkara yang terang syiriknya sedang kalau jadi penasihat kepada Majlis Raja-raja Melayu lebih besar tanggungannya sebab umumnya raja-raja itu sendiri tidak ahli di dalam perkara

mengenai hukum agama – pelanggaran baginda kepada agamanya mestilah salahnya terletak kepada penasihat-penasihatnya yang tidak berani mengatakan yang hak, dan membiarkan yang batil berjalan terus.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman dikatakan telah memberi akuan hendak menyelesaikan pertikaian di antara KPGMS dengan Kementerian Pelajaran yang telah menyebabkan beberapa banyak guru-guru Melayu keluar daripada UMNO. Sungguhpun pengakuan ini membawa kesan-kesan yang baik tetapi sepatutnya, sebagai orang tua dan orang yang dituakan, pengakuan ini diberi dalam masa pertikaian itu mula dilakukan. Pada masa mula pertikaian ini berlaku Tengku sendiri masa itu, kalau tidak khilaf, memihak ke sebelah pihak. Kerana yang sudah itu hanya boleh dijadikan panduan untuk kejadian masa-masa hadapan, orang berharap semoga Tengku di dalam tiap-tiap terbit perbalahan di dalam kalangan Melayu jangan segera memberi pendapat dan memberi bidaan. Semoleknya beliau menghalusi, menyiasat dan kalau pun tidak berkenan kepada sesuatu pihak carilah jalan tengah jalan berselesai dan damai – tidak jalan membidas kepada sesuatu pihak yang akibatnya menjadikan yang pecah bertambah pecah. Orang berharap semoga kelak cara seorang tua menghadapi perselisihan anak-anaknya itulah yang perlu menjadi panduan Tengku menghadapi sesuatu perselisihan. Carilah jalan bijaksana dan hikmah di dalam tiap-tiap suatu usaha.

\* \* \*

A. Sulaiman Adam ahli jawatan kuasa pengelola Gerakan Pemuda UMNO Negeri Johor dalam ucapannya tatkala membuka Persidangan Perwakilan Pemuda UMNO

Negeri Johor di Batu Pahat dikatakan telah berkata: Bahawa mulanya UMNO ialah sebuah parti siasah orang-orang Melayu yang besar dan menjadi tumpuan kepercayaan orang-orang Melayu kepada dasar-dasar dan pimpinannya yang menjadikannya tempat harapan orang-orang Melayu . . . . . tetapi tatkala sampai kepada penyusunan perlembagaan, orang-orang Melayu telah menunjukkan curiganya terutamanya atas kelonggaran syarat-syarat kerakyatan yang menyenangkan bangsa-bangsa asing jadi rakyat Tanah Melayu – akibatnya hari ini terbukti 800,000 bangsa asing telah menjadi rakyat dan berhak mengundi. Akibatnya dalam tahun 1964 atau 1965 nanti, kerana baiknya, orang Melayu akan tertinggal kebelakang dan akan merugikan orang-orang Melayu.”

Alhamdulillah nampaknya ada perhatian ahli-ahli UMNO sendiri dalam hal ini. Kalau dahulu, pada tahun 1950 hingga membawa tahun 1953, apabila perkara ini dibawa, yang membawanya di pandangan hendak menimbulkan perkauman tetapi sekarang boleh dilihat sendiri. Ulang bacalah ulasan-ulasan dahulu – alam didapati apa yang terjadi sekarang!

\* \* \*

Sebuah buku Inggeris bernama “The World History” karangan A.K Menon dikatakan telah didapati gambaran yang salah terhadap kepada Islam yang mana mengatakan bahawa salah satu daripada rukun iman orang Islam ialah percaya kepada Nabi Muhammad pada hal menurut ajaran yang sebenarnya ialah percayakan rasul-rasul Tuhan! Dan tatkala menyebut rukun Islam dikatakannya enam perkara pada hal yang sebenarnya lima dan seterusnya yang keenam itu ialah memerangi orang-orang yang tidak percayakan Islam.

Tokok tambah seperti ini berbahaya seolah-olah menunjukkan bahawa Islam itu agama kekerasan. Kita berpendapat banyak lagi hal-hal yang seperti ini yang patut diperhatikan oleh 18 ahli-ahli penasihat agama kepada Raja-raja Melayu – perkara ini lebih besar akibatnya daripada membahas pengertian dalam masalah yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis Nabi.

\* \* \*

A. Abdul Aziz Hamidi Ketua Penerangan Parti Rakyat Negeri Pulau Pinang telah meletakkan jawatannya kerana tidak puas hati dengan penubuhan Parti Rakyat Bandaran Pulau Pinang yang tidak ada seorang Melayu pun dilantik menjadi pegawainya. Ini adalah satu bukti yang terang bagi orang-orang di Tanah Melayu membenarkan keterangan Ahmad Bustamam Ketua Umum Parti Rakyat di Singapura dahulu bahawa Parti Rakyat bukan parti Melayu yang ertinya tidak hanya mengawal muslihat orang-orang Melayu.

\* \* \*

Menurut ulasan akhbar “Semenanjung” sedikit hari dahulu bahawa kerajaan Singapura merancang hendak membantu ekonomi Melayu sebanyak se-million ringgit, bantuan ini boleh dikata tidak terdengar langsung oleh orang-orang Melayu Singapura. Sepatutnya jika ada rancangan bantuan seperti ini diketahui, maka Dewan Perniagaan Melayu Singapura patutnya menyelidiki kemudian menerangkan kepada ahli-ahli perniagaan atau perusahaan Melayu sama ada ahlinya atau tidak akan cara dan peraturan atau syarat bantuan itu – dan menerangkan pula apa benar atau tidak ada bantuan yang tersebut. Apabila hal Dewan Perniagaan Melayu disebut kepada beberapa orang ahli perniagaan,

mereka hanya berkata bahawa adanya Dewan itu boleh jadi tujuannya hanya untuk mendapat peluang supaya Yang di-Pertua dan naibnya dapat peluang berlayar ke luar negeri dengan belanja *free*. Benarkah begitu? – Kita sendiri tidak tahu!

\* \* \*

Baru-baru ini orang-orang Singapura heboh dengan berita bahawa Mohammad Nasir, Burhanuddin Harahap, Safaruddin Prawiranegara, dan lain-lainnya dari jemaah menteri Republik Revolusioner dengan jalan haram telah masuk ke Indonesia. Dua buah akhbar tempatan telah memberitakan berita ini iaitu Semenanjung dan Straits Times. Berita-berita ini, dikatakan diterima dari seorang kernel dan dengan tidak usul periksa lalu berita itu disiarkan dengan sepenuhnya, yang menjadikan ribut pertanyaan-pertanyaan datang seolah-olah pertahanan Singapura ini tidak ada ertinya langsung – dan seolah-olah polis Singapura ini seperti tiang yang tidak ada harganya. Tetapi akhirnya betul kenyataan dari polis bahawa mereka tidak mengetahuinya sama sekali. Akhirnya diketahui bahawa beliau-beliau yang dikatakan menyeludup di Singapura itu masih ada di Sutura Tengah. Dengan kejadian-kejadian ini, rupanya cara komunis harus telah dilancarkan. Kita menyangka boleh jadi perwakilan pusat buat lempar batu sembunyi tangan untuk membuat keributan memburukkan lawannya dan untuk mencari sebab supaya kerajaan Singapura hanya menghalalkan mereka sahaja di sini. Cara busuk ini lambat sangat kelak diketahui orang. Inilah pendapat orang ramai. Sebab itu awas-awas cara “provokasi” komunis Indonesia nampaknya hendak jalankan Singapura ini!

\* \* \*

Ahmad Bustamam dikatakan telah menerima ugutan dari “penyokong-penyokong” Republik Revolusioner kerana ia selalu menyelar mereka itu. Surat itu satu dari Singapura dan satu dari Perak. Sehari sesudah berita itu tersiar Jabatan Penerangan Indonesia menyatakan pula bahawa tidak ada bangsa Jawa atau Sumatera – semuanya Indonesia. Orang-orang yang mengerti langkah-langkah ini harus tersenyum sahaja kerana mereka syak: Adakah keadaannya seperti di atas kata berjawab gayung bersambut sama sendiri untuk mengeruhkan keadaan dan untuk merubahkan kekuatan musuhnya di sini?



*Yang Mulia Sultan Kedah sedang membalas kehormatan ketika diadakan barisan besar kerana menyambut hari lahirnya yang ke 64 baru-baru ini.*